

17/01/2001

UIAM perlukan sumbangan bantu pelajar

GOMBAK, Selasa - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) memerlukan sumbangan pelbagai pihak bagi membiayai pengajian pelajar antarabangsa dan tempatan yang kurang berkemampuan.

Rektornya, Prof Dr Mohd Kamal Hassan berkata, ketika ini Tabung Wakaf (IEM) yang digunakan untuk pembiayaan itu, hanya boleh bertahan setakat enam bulan.

Sehubungan itu, katanya, UIAM akan menganjurkan majlis jamuan amal antarabangsa dan pelancaran kempen IEM di Pusat Aktiviti Kebudayaan di sini pada 10 Februari depan.

Majlis itu juga dijangka dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tetamu kehormat.

Dalam sidang akhbar di sini hari ini, Prof Dr Mohd Kamal berkata majlis itu diadakan sebagai sebahagian strategi UIAM untuk mengutip derma bagi mengisi tabung berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya mensasarkan kutipan sebanyak RM10 juta dan sebahagian kecil wang itu akan dilaburkan untuk menjana lebih banyak pendapatan.

Katanya, UIAM mempunyai 1,600 pelajar antabangsa yang sebahagiannya mendapat bantuan kewangan daripada tabung berkenaan.

Mengenai pinjaman yang diterima pelajar daripada Tabung Wakaf, beliau berkata, mereka menerima maksimum RM300 sebulan dan jumlah itu bergantung kepada keperluan pelajar.

Mereka yang berminat untuk menempah meja pada jamuan amal itu boleh menghubungi 03-20564011 atau faks di 03-20564053. Setiap meja berharga RM10,000 manakala RM50,000 dikhaskan untuk korporat.

(END)